

SOALAN NO: 78

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KELIMA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB TUAN HAJI NASRUDIN BIN HASSAN

TARIKH: 3 OGOS 2017

SOALAN:

**Tuan Haji Nasrudin bin Hassan [ Temerloh ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah peluang pekerjaan mengikut sektor dan menjelaskan sama ada ia sepadan dengan jumlah graduan mengikut bidang pengajian pada masa ini.

PR-1352-L02574

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Berdasarkan statistik Jabatan Tenaga Kerja, terdapat sejumlah 70,835 peluang pekerjaan atau kekosongan jawatan aktif khusus bagi golongan graduan yang ditawarkan oleh majikan melalui portal *JobsMalaysia* bagi tahun 2016. Daripada jumlah ini, peluang pekerjaan atau kekosongan jawatan aktif tertinggi adalah di dalam sektor kewangan dan insurans sebanyak 36,561 jawatan, diikuti dengan sektor pentadbiran dan khidmat sokongan sebanyak 6,661 jawatan, sektor perkhidmatan sebanyak 5,333 jawatan dan seterusnya sektor pembinaan sebanyak 3,567 jawatan.
2. Jumlah graduan yang mendaftar sebagai pencari kerja aktif dalam portal *JobsMalaysia* pula adalah seramai 66,434 orang daripada 16 bidang pengajian. Berdasarkan pendaftaran portal, 3 bidang pengajian yang mencatatkan jumlah tertinggi adalah sastera seramai 18,210 orang, diikuti oleh kejuruteraan seramai 13,770 orang, dan ekonomi seramai 13,009 orang.
3. Sehubungan ini, permintaan dapat dipenuhi oleh penawaran dalam pasaran buruh. Ini mengambil kira bahawa situasi pasaran buruh yang stabil dan dinamik sentiasa memberi ruang dan peluang kepada seseorang pencari kerja khususnya graduan untuk bekerja dalam mana-mana sektor yang mereka inginkan. Statistik ini turut

menunjukkan bahawa peluang pekerjaan masih lagi wujud dan sewajarnya dimanfaatkan oleh rakyat tempatan.